



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

YAB DATUK SERI DR WAN AZIZAH WAN ISMAIL DILANTIK SEBAGAI MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT (KPWKM)

PUTRAJAYA, 24 MEI 2018 – Timbalan Perdana Menteri Malaysia merangkap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat YAB Dato' Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail secara rasmi telah memulakan tugasnya pada hari ini. Satu majlis mula tugas sebagai Menteri KPWKM telah diadakan bertempat di bangunan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM). Beliau turut memperngkerusikan Mesyuarat Pasca-Kabinet beliau yang pertama di Kementerian.

YAB Dato' Seri Dr Wan Azizah telah dilantik sebagai Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) berkuatkuasa pada 21 Mei 2018 (Isnin) selepas mengetuai barisan 13 anggota Kabinet mengangkat sumpah jawatan dan setia serta sumpah simpan rahsia di hadapan Yang di-Pertuan Agong Sultan Muhammad V di Istana Negara.

Antara fokus utama beliau adalah untuk memantau dan menjana kecemerlangan wanita serta kebajikan termasuklah lapan kumpulan sasar di bawah Kementerian iaitu Wanita, Keluarga, Warga Emas, Kanak-Kanak, Orang Kurang Upaya (OKU), Mangsa Bencana Alam, Orang Papa, dan Pertubuhan Sukarela Kebajikan (NGO's).

Dalam majlis yang sama turut diadakan majlis serah tugas mantan Menteri KPWKM YB Dato' Sri Rohani Abd Karim kepada YAB Dato' Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail. Turut diumumkan ialah nama kementerian yang dikekalkan sebagai Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Semua warga KPWKM turut mengambil kesempatan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada mantan Menteri KPWKM Dato' Sri Rohani Abd Karim kerana khidmat bakti yang dicurahi beliau dalam membangunkan Kementerian semasa menjadi Menteri dan selamat datang diucapkan YAB Dato' Seri Dr Wan Azizah

Wan Ismail semoga maju jaya untuk mengemudi dan memajukan Kementerian untuk mencapai kejayaan yang lebih besar.

Majlis turut dihadiri oleh YBhg.Dato' Suriani Dato' Ahmad, Ketua Setiausaha KPWK, YBrs. Encik Azman Yusoff, Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik) KPWK, YBrs. Dr. Waitchalla a/p R.R.V Suppiah Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) KPWK, Ketua-ketua Pengarah daripada jabatan dan agensi serta semua warga kementerian.

###

Disediakan oleh:

Unit Komunikasi Korporat

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

Aras 35, Persiaran Perdana

PUTRAJAYA

Tel: 03-8323 1088 E-mel: info@kpwkm.gov.my